



BULETIN

EDISI  
11/2018

# INPENS

INDUSTRI PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR



Y.B. Ganabatirau a/l Veraman yang juga Exco Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin telah hadir memeriahkan Program Kasih Ramadhan bersama pelajar INPENS International College (INPENS) 2018 yang diadakan di kampus INPENS di Kuala Selangor.

■ Berita lanjut di mukasurat 4



25 TAHUN  
JUBLI  
PERAK  
INPENS

Info di mukasurat 3

## MENARIK DI DALAM!

### SEDAP.COM: RESTORAN PEMBELAJARAN DENGAN SUASANA AUTENTIK



5

### KERJASAMA INDUSTRI INPENS & HONG LEONG YAMAHA MOTOR (HLYM)



6

Bagi memastikan graduan kulinari dan pastri INPENS kompeten dan memenuhi kehendak pasaran, INPENS telah mengasaskan Sedap.com iaitu sebuah restoran pembelajaran (mock-up restaurant) sebagai pendedahan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kedua-dua kursus tersebut.

Satu program kerjasama industri iaitu Technician Apprentice Program (TAP) di antara INPENS dan Hong Leong Yamaha Motor (HLYM) telah dijayakan dalam misi mencari perantis juruteknik motosikal yang komited dan efisien.

### BILIK SEKRETARIAT ALIIC KINI DILANCARKAN!



14

Alumni INPENS International College (ALIIC) kini telah mempunyai sebuah bilik operasi yang telah dilancarkan oleh Ketua Eksekutif INPENS, Ahmad Zabri bin Mohd Yaman pada 2 Mei 2018. Jom tempah sekarang!

# DARI KAMAR KETUA EKSEKUTIF

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat serta salam ke atas junjungan besar, Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan para sahabat baginda.

Alhamdulillah, sekali lagi dapat kita bertemu dalam penerbitan Buletin INPENS Edisi ke-11 ini. Saya yakin dan percaya, setelah 11 kali penerbitannya, Buletin INPENS kini dilihat lebih dinamik dan holistik dengan memberi penumpuan kepada pemberdayaan TVET di negeri ini khususnya.

Memandangkan edisi kali ini juga merupakan keluaran khas untuk Majlis Konvokesyen INPENS Kali Ke-22, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing. Tentunya kejayaan ini tidak dapat dilakar tanpa pengorbanan tenaga dan masa serta ditambah dengan dorongan keluarga dan bimbingan barisan tenaga pengajar. Semoga kejayaan yang diperolehi hari ini akan diteruskan momentumnya pada masa-masa akan datang.

Tahun 2018 juga merupakan tahun yang bersejarah buat INPENS bersempena dengan sambutan Jubli Peraknya setelah diasaskan pada tahun 1993. Di dalam kita mengimbang kembali pengalaman serta berbagai cabaran yang telah pun dilalui sepanjang 25 tahun ini, sudah pasti terdapat kesedaran bahawa apa yang lebih penting adalah memastikan INPENS terus relevan kepada matlamat asalnya iaitu menyediakan peluang pendidikan kepada golongan sasaran, membekalkan tenaga mahir kepada industri tempatan dan global serta menjadi penyumbang kepada kemakmuran ekonomi negara. Dalam usaha ke arah ini, profesionalisme, integriti, kecekapan tadbir urus serta pemikiran secara dinamik khususnya di setiap peringkat warga kerja INPENS adalah sangat signifikan.

Mengakhiri coretan saya pada kali ini, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Sidang Redaksi Buletin INPENS Edisi ke-11 di atas usaha berterusan yang menyokong kepada perancangan strategik mengupayakan bidang kemahiran di arena pendidikan negara ini. Dengan izin Allah, semoga kita berjumpa lagi dalam penerbitan Buletin INPENS seterusnya.



**Y.Bhg. Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman**  
Ketua Eksekutif INPENS



Assalamu'alaikum W.B.T. dan Salam Jubli Perak...

## TINTA KETUA EDITOR

Alhamdulillah, telah diberikan kita kesempatan untuk bersua lagi kita dalam Buletin INPENS Edisi Ke-11 ini. Semoga semua pembaca berada dalam keadaan sihat wal'afiat dan dirahmati Allah selalu.

Tahun 2018 menandakan usia INPENS kini menginjak ke 25 tahun. Fitrahnya pada usia sebegini, kita sudah sedia matang dari segi fizikal dan mental serta proaktif dalam meneroka cabang-cabang baru. Begitulah juga halnya INPENS, saya melihatnya sebagai sebuah entiti pasca remaja yang kini sedia membawa satu dimensi baru khususnya dalam dunia pendidikan kemahiran. INPENS sesungguhnya telah bersedia dari segi prasarana dan idea-idea untuk membawa pendidikan kemahiran ke aras yang lebih tinggi dengan pendekatan yang berbeza.

Edisi kali ini akan memfokuskan berkaitan trivia Jubli Perak INPENS dan Majlis Kasih Ramadhan bersama dengan Y.B. Tuan Ganabatirau a/l Veraman merangkap Pengurus Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin yang diadakan pada Ramadan lalu. Selain itu, kerjasama dengan pelbagai industri dan tenaga profesional juga terus diterapkan untuk memperkasakan lagi TVET di INPENS. Tidak ketinggalan sambutan Hari Pendidik, Program Memasak Bubur Lambuk 2018 dan Sambutan Eidulfitri INPENS yang baru-baru dijalankan turut dikongsikan pada penerbitan kali ini. Sebelum meletakkan tinta, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua graduan Majlis Konvokesyen INPENS Kali Ke-22. Syabas dan tahniah!

Sekian, salam kejayaan!

**Nur'Adnin Syamil Halik Bassah | Ketua Editor**

## SIDANG REDAKSI

- **Penaung**  
Tuan Ahmad Zabri bin Mohd Yaman
- **Ketua Editor**  
Nur'Adnin Syamil binti Halik Bassah
- **Penolong Editor**  
Siti Noor Hani binti Mohd Faton
- **Pereka Grafik**  
Ahmad Zulkhidzrie bin Mohamad Zuki

- **Wartawan**  
Mohd Nor Izzuddin bin Rahudin  
Siti Rahimah binti Mohamad Noor  
Mohd Zuzaily bin Zulkufle
- **Jurugambar**  
Bahagian Komunikasi Korporat
- **Pembantu Redaksi**  
Jabatan Latihan Kemahiran & Hubungan Industri  
Bahagian Hal Ehwal Pelajar  
Bahagian Sumber Manusia  
Kelab Sosial & Kebajikan Kakitangan INPENS

Sidang redaksi mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan dan penerbitan Buletin INPENS Edisi Ke-10 ini. Kami mengalau-alukan sumbangan artikel/rencana/berita semasa yang berkaitan dengan pendidikan, sahsiah dan aktiviti kemasyarakatan daripada warga INPENS. Kirimkan tulisan anda kepada:

**KETUA EDITOR BULETIN INPENS**  
INPENS International College,  
Jalan Semarak, 45000 Kuala Selangor,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-3281 2617 / 19 / 21  
Faks : 03-3281 2625  
Email : syamil@inpens.edu.my

# JUBLI PERAK INPENS

25 Tahun Penubuhan INPENS



## RASIONAL LOGO JUBLI PERAK

- Angka 25 međukur kepada usia penubuhan INPENS sekali gus menjadi lambang kepada kematangan institusi kemahiran yang berinovasi dan berwawasan.
- Imej gear dipilih sebagai lambang kepada teknikal dan kemahiran.
- Gabungan warna merah-kuning menunjukkan INPENS adalah sebuah institusi di bawah naungan Kerajaan Negeri Selangor.
- Merah juga menggambarkan semangat dalam berinisiatif manakala kuning jula melambangkan kecemerlangan yang telah tercipta sepanjang 25 tahun usia penubahannya.

## TRIVIA INPENS

- INPENS ditubuhkan pada **08 Jun 1993**.
- INPENS diasaskan oleh **Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhammad bin Haji Muhd Taib** (Menteri Besar Selangor Ke-11).
- **Tahun 2006:** merupakan titik tolak kepada INPENS dalam menawarkan pengajian bidang kemahiran.
- **Kursus kemahiran terawal** di Kampus Pulau Indah.
  - Sistem Operasi Komputer
  - Tekstil dan Pakaijan
- **Tahun 2007:** semua kursus aliran akademik telah dipindahkan ke Universiti Selangor (Unisel).
- **Tahun 2008:** INPENS berpindah ke sebuah kampus tetap di Bandar Baru Kuala Selangor.

## KURSUS TERKINI PADA 2018



Automotif



Elektrik



Elektronik



Motosikal



Kulinari



Pastri



Penyemburan Cat



Sistem Komputer



Penyamanan Udara



Tekstil & Pakaijan



Rekaan Rambut



Kecantikan



## Y.B. GANABATIRAU MERIAHKAN PROGRAM KASIH RAMADHAN INPENS 2018

**31 Mei 2018** – Y.B. Ganabatirau a/l Veraman yang juga Exco Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin telah hadir memeriahkan Program Kasih Ramadhan bersama pelajar INPENS International College (INPENS) 2018 yang diadakan di kampus INPENS di Kuala Selangor. Program yang dianjurkan dengan kerjasama Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin Negeri Selangor itu dihadiri lebih 500 orang pelajar INPENS.

Y.B. Ganabatirau dalam ucapannya berkata Kerajaan Negeri akan menjadikan INPENS sebagai hab pendidikan kemahiran yang menawarkan pengajian high-level TVET (Technical and Vocational Educational Training) sama seperti diamalkan di Jerman dan Jepun. Selepas ini juga, INPENS akan bekerjasama dengan lebih banyak industri-industri berstatus multinasional sebagai galakan menyemarakkan lagi gelombang Industri 4.0, ujar beliau lagi.

Sementara itu, Ketua Eksekutif INPENS, Tuan Ahmad Zabri Mohd Yaman berkata, INPENS berbangga dipilih sebagai antara destinasi pertama yang dilawati Y.B. Ganabatirau selepas kemenangan pada pilihanraya yang lalu. Beliau turut menyatakan permintaan kemasukan ke INPENS meningkat dengan drastik sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Faktor peningkatan ini adalah kerana kebolehpasaran graduan kemahiran dalam pelbagai industri berimpak global selain peluang keusahawanan yang tinggi. Oleh itu, INPENS komited dalam menaik taraf prasarannya, mengeratkan hubungan dengan industri dan menambah nilai tenaga pengajar yang terlibat dalam usaha menjayakan misi sebagai Peneraju Latihan Kemahiran Berdaya Saing di negara ini.





# SEDAP.COM: RESTORAN PEMBELAJARAN DENGAN SUASANA AUTENTIK



**I**NPENS tuntas dalam menjadikan bidang kemahiran sebagai tumpuan utamanya dalam usaha bersama menjayakan agenda Kerajaan Negeri iaitu Membangun Bangsa Memakmur Negeri. Menyahut saranan pihak Kerajaan Negeri yang menjadikan industri makanan halal sebagai antara domain utama pelaburannya, INPENS turut tidak ketinggalan melatih belia-belia di negeri ini di dalam bidang kulinari dan pastri.

Bagi memastikan graduan kulinari dan pastri INPENS kompeten dan memenuhi kehendak pasaran, INPENS telah mengasaskan Sedap.com iaitu sebuah restoran pembelajaran (mock-up restaurant) sebagai pendedahan kepada pelajar-pelajar yang mengikuti kedua-dua kursus tersebut. Ketua Sektor Kulinari dan Pastri INPENS, Nur Waheeda binti Abdul Rahman berkata pelajar-pelajar di sektornya akan didedah dengan cara-cara pengoperasian sesebuah restoran di mana mereka akan bertindak sebagai pengurus, chef, pembantu chef, pelayan dan pembantu dapur.

Selain menerapkan ilmu pengetahuan memasak, pelajar-pelajar turut diajari untuk menguruskan suasana dapur yang lengkap dan autentik. Dalam masa sama, pelajar-pelajar juga turut ditambah nilai dengan mempelajari tatacara sebagai seorang pramusaji. Di dalam modul tambah nilai ini, pelajar-pelajar akan diperkenalkan dengan protokol dan etika di meja makan. INPENS ketika ini menawarkan Kursus Pembuatan Pastri (tahap 2) dan Kursus Penyediaan & Pembuatan Makanan (tahap 2) di mana sesi pengambilan seterusnya adalah pada Januari 2019 nanti.



# PROGRAM KERJASAMA INDUSTRI INPENS & HONG LEONG YAMAHA MOTOR (HLYM)

**23 Julai 2018** – Satu program kerjasama industri iaitu Technician Apprentice Program (TAP) di antara INPENS dan Hong Leong Yamaha Motor (HLYM) telah dijayakan dalam misi mencari perantis juruteknik motosikal yang komited dan efisien. Seramai 10 orang pelajar dari Sektor Teknologi Motosikal INPENS telah terpilih untuk ditemuduga oleh panel dari HLYM. Pelajar yang berjaya ketika sesi temuduga akan dipilih untuk mengikuti skim On Job Training (OJT) di HLYM selama 6 bulan. Selepas tamat latihan, pelatih yang kompeten akan ditawarkan kontrak selama 3 tahun untuk berkhidmat dengan pembekal-pembekal terpilih HLYM di sekitar Selangor. Menurut Ketua Sektor Teknologi Motosikal INPENS, Nurul Huda binti Ali berkata kerjasama dengan industri seperti ini memberikan semangat kepada pelajar untuk lebih cemerlang selain membuktikan graduan motosikal INPENS adalah relevan dengan keperluan industri bertaraf antarabangsa. Beliau turut berkata INPENS menawarkan Kursus Servis & Penyelenggaraan Motosikal tahap 1 dan tahap 2 dengan sesi pengambilan dijalankan dua kali setahun iaitu pada setiap Januari dan Julai.



# PROGRAM KERJASAMA INDUSTRI INPENS & TS ELECTRICAL MARKETING SDN BHD (TSEM)

**29 Jun 2018** – Satu sesi taklimat berkaitan peluang kerjaya di TS Electrical Marketing Sdn. Bhd. (TSEM) telah diadakan kepada pelajar-pelajar INPENS yang mengikuti Kursus Pendawaian Elektrik (PW4). Encik Nathan yang mewakili TSEM ketika dalam taklimatnya berkata TSEM yang ditubuhkan sejak 1991 dan berpangkalan di Puchong, Selangor ini menjalankan perkhidmatan pemasangan dan penyelenggaraan papan suis elektrik berskala mega.

Turut diadakan sesi temuduga terbuka kepada pelajar-pelajar kursus elektrik dan elektronik INPENS bagi mengisi kekosongan jawatan juruteknik di TSEM. TSEM juga merupakan sebuah syarikat tempatan yang diperakui badan dan agensi seperti Suruhanjaya Tenaga, SIRIM dan JKR. Ketua Sektor Kejuruteraan Elektrik INPENS, Mohd Faizal bin Zainal berkata sektornya sedia bekerjasama dengan pelbagai industri tempatan mahupun antarabangsa demi memastikan graduan kursus elektrik di INPENS mempunyai kepakaran yang khusus di dalam semua cabang kejuruteraan elektrikal. INPENS menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) untuk kursus Pemasangan & Penyelenggaraan Elektrik (tahap 2 & tahap 3) dan Kursus Pendawaian Elektrik (PW2 & PW4) yang diperakui oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).





## PERSEDIAAN KE WORLD SKILLS ASEAN BANGKOK 2018: INPENS JEMPUT PEREKA FESYEN TERSOHOR

**19 Julai 2018** – INPENS terus gagah melangkah ke hadapan dengan menghantar seorang wakilnya iaitu Azni Syafika binti Alizar untuk bersaing dalam Kategori Teknologi Fesyen di WorldSkills Asean Bangkok 2018 (WSAB 2018). Sebagai persediaan ke arah pertandingan tersebut, INPENS telah menjemput pereka fesyen tersohor negara iaitu Adnan Hasan untuk berkongsi ilmu lakaran fesyen (demo sketch) bersama-sama dengan Azni dan pelajar-pelajar lainnya. Ketua Sektor Tekstil & Pakaian INPENS, Zalina binti Rahmat berkata hanya persediaan yang terbaik telah diberikan demi memastikan peserta yang dibawa ke WSAB 2018 mampu bersaing dengan peserta-peserta di peringkat antarabangsa. Turut hadir memberikan sokongan dalam program ini ialah pereka fesyen terkenal iaitu Salikin Sidek.



## MEMANFAAT KEMAHIRAN PELAJAR PW2

**23 Julai 2018** – Dalam usaha menaik taraf bengkel jahitan pelajar tahap 3 di Sektor Tekstil dan Pakaian, INPENS telah mencadangkan inisiatif pemasangan pendawaian elektrik oleh pelajar-pelajar yang mengikuti kursus PW2. Menurut Ketua Sektor Kejuruteraan INPENS (SKE), Mohd Faizal bin Zainal berkata peluang menyertai projek seperti ini dapat mengasah kemahiran serta memberi pendedahan kepada suasana bekerja yang sebenar kepada pelajar yang terlibat. Projek ini juga telah memilih seorang pelajar iaitu Ahmad Zuhairi bin Mohd Kamal selaku ketua projek sekali gus memberikan latihan kepimpinan kepada pelajar berkenaan. Dalam masa sama, projek ini turut diselia seorang tenaga pengajar daripada SKE iaitu Zaimily bin Talib. Secara keseluruhannya, seramai 8 orang pelajar telah menyertai projek ducting ini sejak pertengahan Julai lalu dengan anggaran tempoh siap projek selama 3 minggu.





15 Mei 2018



## SUKANEKA KAKITANGAN INPENS

Membudayakan Hidup Sihat, Mengeratkan Ikatan Persaudaraan.





## HARI PENDIDIK 2018

15 Mei 2018

"Pendidik Pemacu Transformasi Pendidikan"





1 Jun 2018

## RIDE AMAL KE PERTUBUHAN KEBAJIKAN UKHUWAH ANAK YATIM/MISKIN DAERAH SABAK BERNAM

Anjuran Kelab Sosial dan Kebajikan Kakitangan INPENS



## PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK RAMADHAN 1439H/2018

Anjuran INPENS & Kelab Sosial dan Kebajikan Kakitangan INPENS

6 Jun 2018



# Sekitar Sambutan Eidulfitri INPENS 2018

#MeriahBergaya #MaafZahirBatin



## Jelajah KEMAHIRAN

# PROGRAM JEJAK PELAJAR ASNAD DI DESA EHSAN & DESA KASIH DAERAH SABAK BERNAM

(ANJURAN BERSAMA LEMBAGA ZAKAT SELANGOR MELALUI SKUAD JEJAK KEMISKINAN)



Tarikh

18 Julai 2018



# LAWATAN DARIPADA JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR & PEJABAT PELAJARAN DAERAH KUALA SELANGOR



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor



Tarikh

17 Julai 2018



# SEK. MEN. KEB. SERI PERMAISURI, KUALA LUMPUR



Tarikh 26 April 2018



## SEK. MEN. KEB. PADANG TEMU, MELAKA

Tarikh 4 Julai 2018



## SEK. MEN. KEB. DATO' HARUN, TANJONG KARANG



Tarikh 1 Ogos 2018



# BILIK SEKRETARIAT ALIIC KINI DILANCARKAN!

**A**lumni INPENS International College (ALIIC) kini telah mempunyai sebuah bilik operasi yang telah dilancarkan oleh Ketua Eksekutif INPENS, Ahmad Zabri bin Mohd Yaman pada 2 Mei 2018. Antara tujuan pengaktifan bilik sekretariat tersebut ialah menyimpan data-data ALIIC, arkib testimoni alumni dan menjadi tempat perbincangan untuk mengadakan aktiviti berkaitan alumni.

Sebarang pertanyaan atau tempahan penggunaan bilik, boleh menghubungi Unit Alumni INPENS (Puan Siti Noor Hani) di talian 03-3281 2617 sambungan 261.



# KOH ENG YU

**INPENS**

Eng Yu

- Kenapakah anda memilih INPENS?**  
 Saya memilih INPENS kerana INPENS adalah satu institusi pendidikan yang berprestij di Kuala Selangor. Selain berdekatan dengan rumah saya, ramai kawan-kawan saya turut memilih INPENS sebagai tempat untuk melanjutkan pelajaran dan kebanyakan mereka telah berjaya membuka perniagaan masing-masing.

**INPENS**

Eng Yu &amp; HAD

- Boleh ceritakan pengalaman anda semasa berada di INPENS?**  
 Saya dapat mempelajari banyak perkara terutamanya mengenai software dan berpeluang untuk belajar dengan lebih mendalam tentang pemasangan dan penyelenggaraan unit CPU. Tenaga pengajar juga banyak membantu saya memahami beberapa modul yang sukar.

**INPENS**

Eng Yu

- Apakah pendapat anda berkaitan peluang kerjaya di dalam bidang sistem komputer?**  
 Dengan latihan amali dan pembelajaran yang diberikan, graduan INPENS yang serba boleh dapat dilahirkan. Pada pendapat saya, peluang pekerjaan untuk mereka adalah sangat luas jika mereka benar-benar memahami modul yang dipelajari dan seterusnya mempraktikkan ilmu yang diperolehi.

**INPENS**

Eng Yu

- Bagaimakah kerjaya anda sekarang?**  
 Saya mempunyai perniagaan kedai telefon bimbit sendiri yang dibuka sejak setahun yang lalu. Sebelum ini, saya bekerja dalam perniagaan yang sama di sebuah kedai di Sungai Buloh, Jeram. Pada masa ini, saya masih lagi mempelajari kemahiran lain yang berkaitan untuk mengembangkan lagi perniagaan saya.

**INPENS**

Eng Yu

- Apakah nasihat anda kepada pelajar yang masih menuntut di INPENS?**  
 Anda perlu memilih kursus yang anda minat dan mula mengatur masa depan sejak dari awal pengajian lagi. Sentiasa belajar bersungguh-sungguh dan jangan pernah mengalah dengan cabaran sebagai seorang pelajar kemahiran.



**INFO ALUMNI**

**NAMA** : KOH ENG YU  
**KURSUS** : OPERASI SISTEM KOMPUTER  
**SEKTOR** : TEKNOLOGI MAKLUMAT  
**TAHUN** : 2014  
**KERJAYA** : PEMILIK ENGYU MOBILE ENTERPRISE, KUALA SELANGOR  
**PENDAPATAN** : RM3,000.00 – RM4,000.00 SEBULAN

## KURSUS LATIHAN PEMASANGAN PENYAMAN UDARA HIDROFLUOKROKARBON (HFC) R32

Lokasi : UNIKL - Malaysia France Institute, Bandar Baru Bangi

Tarikh : 30 April 2018

KAKITANGAN YANG TERLIBAT :

SEKTOR TEKNOLOGI  
 PENYAMANAN UDARA



KAKITANGAN YANG TERLIBAT :

SEKTOR TEKNOLOGI  
MAKLUMAT

## KURSUS MOBILE DEVICE CONFIGURATION

Lokasi : Makmal Samsung Tech Academy, ILP Kuala Lumpur

Tarikh : 21 - 22 Julai 2018



## KELAS POLA PAKAIAN WANITA

Lokasi : Bak's Creation, Senawang, Negeri Sembilan

Tarikh : 28 Julai 2018

KAKITANGAN YANG TERLIBAT :

SEKTOR TEKSTIL & PAKAIAN

